

## **Hasil Kaji Selidik Dibentang Selepas Laporan Lengkap Siap**

**SHAH ALAM** : Hasil soal selidik secara dalam talian yang dijalankan Kementerian Pengangkutan (MOT) mengenai 'Pengambilan Alkohol dan Penguatkuasaan Undang-Undang Yang Lebih Tegas Terhadap Kesalahan Memandu Dalam Keadaan Mabuk' dijangka dibentangkan dalam masa terdekat. Menterinya, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong berkata, soal selidik terbabit dikendalikan Bahagian Logistik dan Pengangkutan darat (BLPD) MOT bermula 21 Mei lalu dan berakhir semalam.

"Selepas memperoleh data daripada soal selidik yang dijalankan, kita perlu membuat penelitian mengenainya terlebih dahulu. "Kita kemudiannya kena siapkan laporan kaji selidik itu sebelum ia dibentangkan kelak," katanya kepada Sinar Harian semalam. Terdahulu, soal selidik dalam talian itu bertujuan mendapatkan pandangan orang awam berhubung kandungan alkohol yang perlu dibenarkan dalam undang-undang atau peraturan yang akan dipinda di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333).

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Ka Siong menerusi Facebooknya kelmarin turut memuat naik beberapa hantaran bagi menjawab persoalan orang ramai mengenai isu pemandu mabuk yang mempertikaikan kenapa hanya pindaan undang-undang yang berkaitan dengan minuman keras dibuat tetapi mengapa tiada tindakan terhadap Geng Basikal Lajak atau Mat Rempit. Menurut Presiden MCA itu, pindaan yang dicadangkan iaitu Seksyen 41 hingga Seksyen 45 Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) adalah berkaitan dengan pemanduan di bawah pengaruh dadah atau alkohol atau pemanduan secara berbahaya. "Sama ada Geng Basikal Lajak atau Mat Rempit, jika pengguna jalan raya itu di bawah pengaruh dadah atau alcohol, ia tetap terangkum dalam cadangan pindaan akta tersebut," katanya.

---

**SUMBER: BERITA HARIAN | M/S: 4 | 5 JUN 2020**